

Kerajaan Pahang lulus Inisiatif Sempadan Hijau Negeri

Asrol Awang

am@hmetro.com.my



WAN Rosdy Wan Ismail. FOTO arkib NSTP

Kuantan: Kerajaan Pahang meluluskan cadangan Inisiatif Sempadan Hijau Negeri membabitkan sempadan Pahang dengan negeri berjiran iaitu Terengganu, Kelantan, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri kelmarin, sebagai menjunjung titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Susulan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kerajaan negeri akan mewartakan tanah kerajaan yang sudah dikenal pasti di kawasan sempadan berkenaan sepanjang kira-kira 26.806 KM dan berkeluasan 557.585 hektar sebagai hutan simpan kekal (HSK) menurut Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984.

Katanya, menerusi pewartaan itu, kerajaan negeri akan menolak ringkas semua permohonan tanah kerajaan untuk dibangunkan di kawasan Inisiatif Sempadan Hijau Negeri, berpandukan 6 (e) atau 31 (e) Kaedah-kaedah Tanah Pahang 1992.

"Sebagai makluman, pewartaan HSK terbaru ini adalah tambahan kepada HSK sedia ada yang turut terletak dalam kawasan bersempadan dengan enam negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.